



HARI : SABTU
TARIKH : 31/8/2019
M/SURAT : 4A

RON97 turun satu sen, RON95, diesel kekal

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 turun satu sen pada harga RM2.50 seliter manakala RON95 dan diesel kekal masing-masing pada RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter berkuat kuasa tengah malam ini. Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam berkata, harga bahan api berkenaan ditetapkan bagi tempoh 31 Ogos hingga 6 September ini berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik.

